



29 JUL, 2025

Sunway REIT selesai pemerolehan AEON Mall Seri Manjung

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Kuala Lumpur: Sunway REIT Management Sdn Bhd, Pengurus Sunway Real Estate Investment Trust (Sunway REIT) berjaya menyelesaikan pemerolehan AEON Mall Seri Manjung menurut perjanjian jual beli (SPA) yang ditandatangani pada 20 Januari 2025 dengan Kar Sin Bhd dan YNH Hospitality Sdn Bhd, anak syarikat YNH Property Berhad.

Hartanah ini terletak secara strategik di Seri Manjung, Perak di dalam perbandaran yang berkembang maju dan dikelilingi komuniti kediaman yang matang dan kemudahan utama.



Sunway REIT selesai pemerolehan AEON Mall Seri Manjung

HARTANAH terletak secara strategik di Seri Manjung, Perak dalam perbandaran yang berkembang maju dan dikelilingi komuniti kediaman yang matang serta kemudahan utama.

Mendapat manfaat daripada ketersambungan yang sangat baik melalui jalan utama, termasuk Lebuhraya Pantai Barat (WCE) dan

Laluan Persekutuan 5, hartanah ini menikmati kebolehcapaian yang lancar dan memberi perkhidmatan kepada penduduk me-

lebih 200,000 penduduk di seluruh daerah Seri Manjung, Sitiawan, Lumut, dan kawasan pelancongan popular Pulau Pangkor.

Hartanah itu meliputi sebuah kompleks runcit dua tingkat yang merangkumi 30.25 ekar tanah komersial pegangan bebas utama, di-

lengkapi dengan kemudahan tempat letak kereta yang luas.

Dipajak sepenuhnya kepada AEON Co (M) Bhd (AEON) di bawah perjanjian pajakan jangka panjang, aset itu menawarkan kestabilan pendapatan dengan baki tempoh pajakan selama 12 tahun sehingga Disember 2037.

Hartanah ini dijangka memberikan hasil kepada portfolio Sunway REIT, memberikan anggaran hasil awal Hartanah Bersih (NPI) 6.5 peratus dan purata hasil sebanyak 7.0 peratus berbanding baki tempoh pajakan dengan AEON.



29 JUL, 2025

Sunway REIT selesai pemerolehan AEON Mall Seri Manjung

Harian Metro, Malaysia

SUNWAY®

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Sunway REIT Management Sdn Bhd, Pengurus Sunway Real Estate Investment Trust (Sunway REIT) berjaya menyelesaikan pemerolehan AEON Mall Seri Manjung menurut perjanjian jual beli (SPA) yang ditandatangani pada 20 Januari 2025 dengan Kar Sin Bhd dan YNH Hospitality Sdn Bhd, anak syarikat YNH Property Berhad. Hartanah ini terletak secara strategik di Seri Manjung, Perak di dalam perbandaran yang berkembang maju dan dikelilingi komuniti kediaman yang matang dan kemudahan utama.